



Membudayakan Penyelidikan, Penulisan dan Inovasi: Satu Keperluan Transformasi Pensyarah Baru

*Norhapizah binti Mohd Burhan
Ruziana Mohamed*

ABSTRAK

Dalam era perkembangan dunia pendidikan hari ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengambil serius perihal pentingnya pembangunan penyelidikan. Ini bertujuan bagi memacu negara menghasilkan penulisan dan inovasi untuk meningkatkan produktiviti negara. Pelbagai idea dan inisiatif diperkenalkan bagi memastikan setiap institusi pengajian tinggi merangka pelan strategik universiti masing-masing untuk meningkatkan ekuiti dan memperteguhkan penyelidikan. UiTM sebagai salah satu IPTA tidak terkecuali perlu melibatkan diri secara aktif dalam bidang penyelidikan bagi meningkatkan jumlah akademia yang memiliki pelbagai kepakaran seterusnya dapat mengiktiraf universiti sebagai Research University (RU) dan World Class University (WCU). Berpandukan hasil penyelidikan yang diperolehi, penyelidik berpeluang mencipta inovasi bagi kepentingan pengajaran dan perkongsian kepakaran dengan pihak akademia, industri, organisasi kerajaan mahupun swasta dan individu perseorangan. Selain itu, paten yang terhasil daripada inovasi yang dicipta boleh diteroka untuk dikomersialkan dan dapat membantu menjana peningkatan ekonomi negara. Usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memperkenalkan program My Brain15 adalah salah satu inisiatif kerajaan bagi meningkatkan penciptaan dan inovasi yang dihasilkan dalam bidang-bidang kritikal yang dianggap penting untuk penjanaan ilmu dan ekonomi. Penemuan penyelidikan juga berfungsi menghasilkan gagasan idea-idea baru yang boleh dikongsi bersama menerusi penulisan ilmiah. Usaha para pensyarah dan penyelidik bagi setiap universiti amat diperlukan dalam penyelidikan sebagai pemangkin untuk membantu universiti merealisasikan impian menyahut cabaran wawasan 2020. Demikian juga halnya, bagi para pensyarah UiTM Pahang, khususnya warga pensyarah baru turut memainkan peranan yang amat penting untuk membantu UiTM mencapai taraf Universiti Penyelidikan (RU) yang secara tidak langsung dapat mewujudkan warga kampus yang memiliki minda kelas pertama. Justeru itu, para pensyarah baru di UiTM Jengka perlu berusaha bersama pensyarah yang lain untuk menjana idea melakukan perubahan dengan penglibatan secara aktif di dalam bidang penyelidikan. Kertas kerja ini akan membincangkan tentang penyelidikan, penulisan dan inovasi menggunakan konsep 5W iaitu 'What', 'Why', 'Who', 'When' dan 'Where' untuk memberi sokongan dan moral kepada pensyarah baru khususnya bagi menanam minat untuk membudayakan aktiviti penyelidikan. Ia merupakan wadah perjuangan ahli akademik untuk mencapai taraf universiti penyelidikan (RU).

Kata Kunci: budaya ilmu, penyelidikan, inovasi, transformasi

Pengenalan

Visi 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju memerlukan persiapan rapi dan komitmen daripada pelbagai pihak. Antara persiapan yang perlu dibuat ialah melahirkan tenaga kerja yang mempunyai nilai kompetitif tinggi dan sanggup berhadapan dengan cabaran globalisasi dunia masa kini. Salah satu elemen yang perlu diberi peneguhan oleh organisasi terhadap subordinatnya ialah tahap keilmuan, kreativiti, kemahiran mencipta inovasi dan penguasaan ilmu pengetahuan yang mendalam di dalam disiplin yang pelbagai. Universiti sebagai institusi pengajian tinggi mempunyai peranan penting di dalam penyebaran ilmu bersesuaian dengan objektif penubuhannya adalah untuk menghasilkan jumlah cendekiawan yang ramai yang dapat menguasai pelbagai disiplin ilmu.

Peranan universiti tidak terhenti sebagai pusat penghasilan graduan semata-mata tetapi peranannya juga melibatkan kepada sumbangan di dalam bidang penyelidikan, penulisan dan inovasi. Justeru aspek penyelidikan merupakan agenda utama sebuah universiti di samping tugas hakiki iaitu pengajaran, pembelajaran dan pembangunan pelajar. Menyedari hakikat dan fenomena ini, pensyarah yang merupakan agen perubahan utama di dalam institusi masing-masing bertanggungjawab menyumbang kepakaran ilmu di dalam penyelidikan, penulisan dan inovasi. Walau bagaimanapun dalam mencapai halatuju dan gagasan universiti, tidak dapat dinafikan terdapat pelbagai faktor penolakan dan halangan untuk mencapai hasrat tersebut. Memandangkan Universiti Teknologi MARA Kampus Pahang ini merupakan sebuah universiti yang masih muda di dalam usia penubuhannya, penguasaan di dalam penyelidikan masih memerlukan penambahbaikan berterusan terutamanya kepada generasi pensyarah baru. Pensyarah baru merupakan kelompok yang sentiasa memerlukan pendedahan, bimbingan, sokongan dan transformasi supaya budaya penulisan dan inovasi dapat dijana menerusi penyelidikan yang dijalankan.

Definisi Budaya Ilmu

Budaya ilmu ialah kewujudan suatu keadaan di mana setiap lapisan masyarakat melibatkan diri, baik secara langsung maupun tidak langsung, dengan kegiatan-kegiatan keilmuan di setiap kesempatan dan keadaan di mana segala tindakan manusia baik di tahap individu atau peringkat masyarakat dilaksanakan berdasarkan ilmu pengetahuan (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1992:2) Lapan unsur yang membentuk budaya sesebuah masyarakat iaitu sistem sosiopolitik, sistem ekonomi, sistem perhubungan, sistem kewarasan, sistem teknologi, sistem moral, sistem kepercayaan dan sistem estetik (Mohd Daud Hamzah, 1993:6-9).

Oleh yang demikian untuk membudayakan penyelidikan, penulisan dan inovasi setiap pensyarah perlu melibatkan diri dalam aktiviti penyelidikan pada setiap peluang, sama ada bidang tugas tersebut diminati ataupun tidak. Tanggungjawab pensyarah terhadap profesionnya ialah mengamalkan sikap amanah dalam menjalankan tugas harian yang meliputi pengajaran, penyediaan dan pemeriksaan ujian, penyelidikan, perundingan, penyeliaan dan tugas-tugas lain yang berkaitan (Halimaton Haji Khalid *et.al* (t.t):5). Justeru, aktiviti penyelidikan, penulisan dan inovasi ini sama sekali tidak boleh dikesampingkan dalam tugas-tugas harian dengan hanya memfokuskan kepada pengajaran semata-semata. Memilih profesion sebagai pensyarah bermakna seseorang itu perlu sentiasa menyelidik, mengkaji, meneliti, mencipta sesuatu yang baru dan berkongsi kepakaran dengan semua pihak sama ada menerusi seminar, diskusi ilmiah ataupun penulisan.

What-Apa itu Penyelidikan, Penulisan dan Inovasi

Penyelidikan ialah mencari dan menghimpun data untuk menguji hipotesis kajian atau meleraikan masalah yang dikaji (Sidi Gazalba (Drs.) (1981:74). Dalam ertikata yang lain penyelidikan ialah satu proses untuk mencari dan mendapatkan pengetahuan atau ilmu terhadap perkara-perkara baru yang dikaji atau mencari kesahihan tentang sesuatu perkara seterusnya menyelesaikan sesuatu masalah tertentu yang dihadapi (Azhar Harun Dan Nawi Abdullah, (2004:1-2). Penyelidikan juga boleh ditafsirkan sebagai suatu aktiviti yang tersusun, sistematis berdasarkan data, kritikal dan penyiasatan yang saintifik kepada masalah khusus yang dilakukan bertujuan mendapatkan jawapan atau penyelesaian kepada masalah berkenaan (Rohana Yusof, (2003: 6).

Inovasi bermaksud pembaharuan, modifikasi atau memperbaiki idea, benda, ilmu dan ciptaan seni budaya tamadun dengan tujuan memenuhi fungsi-fungsi tertentu, atau memenuhi citarasa tertentu atau memenuhi tuntutan pasaran tertentu. Inovasi dibuat oleh manusia kreatif untuk membina trend baru (*trendsetter*), atau mengikuti trend, atau untuk menjadi peneraju (*pioneer*) dan lantas meraih peluang maksimum dalam ekosistem yang banyak persaingan (Sufean Hussin, 2002:25-28).

Menurut Rogers (1983:24), sesuatu idea itu baru dari segi objektif ialah ukuran edaran masa sesuatu idea itu pertama kali ditemui atau digunakan tidak penting. Jika idea tersebut adalah baru kepada unit atau individu yang mengambilnya, idea tersebut adalah inovasi bagi unit atau individu berkenaan.

Kelakuan inovatif individu bermula dengan mewujudkan idea, pengenalpastian masalah dan penyelesaiannya sama ada ide baru atau secara diambil guna. Seterusnya individu inovatif akan mencari sokongan serta penajaan terhadap ide tersebut. Kemahiran individu akan mengambilguna dan implementasi ide tersebut. Inovasi ialah proses berbilang peringkat dengan berbagai-bagai kelakuan individu dan aktiviti yang dilakukan pada setiap peringkat (Za'faran binti Hassan, (1998:9-10).

Why-Kenapa Penyelidikan, Penulisan dan Inovasi diperlukan

Fungsi utama sesebuah universiti ialah untuk melatih warganya bagi membangunkan minda yang boleh berfikir secara kritikal, kreatif, lateral, serta inovatif dan akhirnya mampu menganalisiskan buah fikirannya itu sehingga melahirkan gagasan ide yang bernalas. Dengan kata lain, fungsi asas universiti adalah untuk melahirkan insan yang cerdik pandai, berbudi bahasa, berhemah tinggi, memiliki profesionalisme, berfikir dan bertindak berlandaskan ilmu pengetahuan dan kemahiran, serta menjadi penyumbang kepada kemajuan masyarakat dan pembangunan negara.

Oleh kerana kakitangan akademik mengendalikan pengajaran dan berinteraksi secara langsung dengan penuntut universiti maka latar belakang kakitangan akademik ini akan mempengaruhi aktiviti pengajarannya. Seorang pensyarah yang mempunyai prestasi penyelidikan yang baik, banyak melakukan penulisan akan dapat mengaitkan penemuan atau pengetahuan baru yang diperolehi melalui penyelidikan dan penulisan ke dalam kuliah atau tutorial yang diberi kepada penuntutnya. Gabungan penemuan menerusi penyelidikan dan penulisan akan mencetus inovasi yang baru dalam pengajaran. Dengan cara ini beliau boleh menimbulkan dan meningkatkan minat pelajar dalam bidang kepakarannya yang menjadi keutamaan dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Beliau juga dapat menyematkan amalan baik serta nilai kritikal seorang penyelidik di kalangan penuntutnya dan membantu universiti tersebut menghasilkan graduan yang mahir berfikir, kreatif, inovatif dan mampu menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan tugasnya kelak.

Penemuan-penemuan baru di dalam penyelidikan dapat diteruskan dengan membukukan hasil penemuan menerusi penulisan. Strategi yang berkesan ini akan meningkatkan lagi prestasi penyelidikan universiti tersebut dari segi perolehan dana penyelidikan, penjanaan ilmu dan harta intelek. Kadangkala ia juga dapat menjana pendapatan menerusi penciptaan inovasi dan paten tertentu.

When-Bila Keperluan Penyelidikan, Penulisan dan Inovasi dilaksanakan

Universiti mempunyai peranan yang besar dalam meneroka ilmu dan menghasilkan penemuan terkini melalui aktiviti penyelidikan dan memberikan perkhidmatan perundingan serta menjalankan aktiviti pengembangan sama ada melalui penulisan atau inovasi pengajaran . Universiti sebagai menara yang menaungi para akademia mempunyai ramai tenaga pakar dalam pelbagai disiplin, melaksanakan banyak aktiviti penyelidikan yang menghasilkan teknologi dan inovasi bagi membantu pembangunan industri, meningkatkan pengetahuan masyarakat dan berupaya meningkatkan produktiviti negara. Tetapi sejauh manakah masyarakat dan rakyat memahami tentang peranan universiti dalam penyelidikan? Apakah hubungan penyelidikan yang dijalankan oleh universiti dengan produktiviti negara?

Universiti sebenarnya mempunyai peranan penting dalam memindahkan pengetahuan khususnya mengenai hasil penemuan penyelidikan dan bidang kepakaran kepada masyarakat melalui saluran yang mudah dan berkesan seperti aktiviti penulisan di dalam bentuk artikel, buku atau perkongsian ide di dalam seminar ataupun media massa. Aktiviti penulisan bukan sahaja terbatas kepada intipati penemuan yang diterbitkan dalam jurnal dan sebagainya, tetapi juga menggunakan hasil penyelidikan tersebut bagi memberi maklumbalas kepada sebarang isu dan fenomena yang berlaku di dalam dan di luar negara.

Langkah ini adalah pragmatik dan berkesan supaya rakyat dapat menguji, mencuba, menghayati dan menggunakan ilmu tersebut untuk manfaat bersama. Perkongsian ini adalah usaha bijak dalam memaknakan strategi membangunkan rakyat minda kelas pertama melalui wacana ilmiah yang berkualiti. Menyampaikan pengetahuan dan kemahiran melalui penulisan ilmiah ini bukan sahaja dapat menyuburkan budaya ilmu tetapi juga berupaya memberi sumbangan yang besar terhadap pembinaan minda bangsa yang maju.

Oleh yang demikian, menyedari tanggungjawab di dalam profesion pensyarah, para akademia tidak boleh membiarkan aktiviti penyelidikan, penulisan dan inovasi diterokai oleh sekelompok tertentu. Menyedari tanggungjawab yang digalas oleh para pensyarah di dalam ketiga-tiga aktiviti ini, pensyarah perlu memberi sambutan positif dan komitmen yang tinggi terhadap bidang tugas ini sebaik sahaja menjawat jawatan pensyarah.

Where-Ke Mana Hala Tuju Para Penyelidik, Penulis dan Pencipta Inovasi

Dalam era globalisasi dan k-ekonomi negara akan menghadapi cabaran perindustrian yang lebih mencabar dengan lebih fokus kepada pengukuhan produktiviti dan daya saing melalui pembangunan dan kemajuan teknologi. Dengan demikian negara akan memerlukan lebih ramai sumber tenaga kreatif dan inovatif sehingga mampu menghasilkan teknologi dan produk baru yang lebih kompetitif serta mampu bersaing di pasaran global.

Bagi membantu negara menghadapi cabaran di atas, UiTM perlu bergiat aktif dalam penyelidikan untuk menghasilkan para penyelidik, penulis dan pencipta inovasi. Walaupun inovasi tidak secara langsung memerlukan penyelidikan tetapi kreativiti dan kecemerlangan minda pensyarah dan pelajar turut dipengaruhi oleh penyelidikan dan penulisan. Sebagai sebuah negara yang mengorak langkah kepada Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK 10), negara memberi

pengiktirafan kepada pembelajaran sepanjang hayat (life long learning). Justeru itu kepakaran dalam pelbagai disiplin ilmu dan pelaksanaan penyelidikan sangat diperlukan. Penyelidik diperlukan untuk menjana minda masyarakat dan melahirkan masyarakat yang memiliki minda kelas pertama. Tidak terhenti setakat penyelidikan, penulisan dan inovasi juga amat diperlukan bagi menyokong sosio ekonomi negara.

Kejayaan merupakan tumpuan sasaran manusia di dalam amalnya. Orang yang berjaya ialah orang yang selamat mencapai cita-cita dan kebaikan. Daripada pengertian ini dapat difahamkan bahawa penentu kejayaan bukan hanya berjaya mencapai cita-cita tetapi berjaya memperoleh keselamatan dan kebaikan. Berhubung dengan kejayaan ini, Allah S.W.T telah menentukan prasyarat yang harus ada pada diri seseorang untuk menjadi seorang yang berjaya dalam hidupnya sama ada di dunia atau di akhirat (Abdul Rahman Nawas (et.al), 1995:259-262). Allah menjelaskan dalam Al-Qur'an yang bermaksud:

Mereka yang beriman, berhijrah dan berjihad ke jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka adalah orang yang tinggi darjatnya di sisi Allah. Mereka inilah orang yang berjaya. (Surah al-Taubah:20)

Nyatalah kejayaan dalam pandangan Islam akan hanya diperolehi oleh mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga prasyarat yang disebutkan. Mereka itu hendaklah beriman kepada Allah dengan penuh keyakinan, berhijrah ke serata tempat untuk tujuan mencari keredaan Allah dan mempunyai daya usaha, berjihad dan membuat pengorbanan jiwa dan harta benda untuk mendapatkan kejayaan. Selain tiga perkara penting tadi, seseorang itu harus juga mempunyai sifat lain seperti sabar dalam menempuh pelbagai halangan dan rintangan. Sifat tidak mudah putus asa dengan rahmat Allah seperti yang ditegaskan di dalam Al-Quran yang bermaksud:

*Dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat pemberianku
(Surah Yusuf:87)*

Dan sifat syukur terhadap nikmat kejayaan yang telah diperolehi kerana syukur terhadap nikmat kejayaan yang telah diterima bererti akan menambahkan lagi kejayaan-kejayaan yang lain seperti dinyatakan oleh Allah S.W.T dalam Surah Ibrahim ayat 7 yang bermaksud:

*Dan sekiranya kamu bersyukur dengan pemberianku nescaya akan aku tambahkan lagi dan sekiranya kamu kufur sesungguhnya azabku amatlah pedih.
(Surah Ibrahim:7)*

Daripada pengertian ayat di atas dapat difahami bahawa sifat syukur terhadap pemberian Allah S.W.T akan lebih menjamin kejayaan secara berterusan dan sifat tidak bersyukur itu akan memusnahkan manusia dalam kehidupan.

Oleh yang demikian, selaku pensyarah yang mempunyai tanggungjawab yang pelbagai perlu berterusan membudayakan kerja murni dengan keredaan Allah agar kejayaan dapat dinikmati di dunia mahupun di akhirat. Sekalipun pensyarah terbabit tidak mencapai kejayaan di dalam penyelidikan, penulisan atau inovasi yang dilakukan dalam bentuk anugerah dunia tetapi telah tersedia baginya ganjaran hakiki di akhirat terhadap usaha ikhlas yang telah dilakukan. Kejayaan yang sebenar dalam Islam ialah kejayaan yang akan membawa seseorang itu kepada satu sifat yang lebih tinggi nilainya iaitu kebahagiaan dan kepuasan pada dirinya sendiri.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Soal selidik telah diedar kepada pensyarah UiTM Pahang, Kampus Jengka kepada pensyarah lama dan baru daripada seluruh fakulti. Sebanyak 150 soal selidik telah diedar dan daripada keseluruhan jumlah tersebut hanya 75 soal selidik yang dikembalikan semula kepada pengkaji. Terdapat empat aspek utama yang dikaji oleh penyelidik di dalam 3 bahagian. Bahagian A mengenai budaya penyelidikan, penulisan dan inovasi. Bahagian B ialah persepsi terhadap profesi pensyarah dan punca terlibat dalam penyelidikan, penulisan dan inovasi. Bahagian C ialah faktor pendorong dalam penyelidikan, penulisan dan inovasi. Soal selidik ini menggunakan kaedah *Thurston* di mana responden hanya dikehendaki menandakan jawapan 'ya' atau 'tidak' di dalam jawapan masing-masing.

Berdasarkan Jadual 1, jumlah penyelidikan tertinggi ialah 44 buah penyelidikan diwakili oleh kumpulan pensyarah yang berkhidmat kurang 6 tahun. Jumlah penulisan buku tertinggi dihasilkan oleh pensyarah yang berkhidmat kurang 6 tahun sebanyak 5 buah. Sementara itu, jumlah penulisan artikel tertinggi berjumlah 72 artikel diwakili oleh kumpulan pensyarah yang berkhidmat kurang 14 tahun. Bagi kategori inovasi, kelompok pensyarah yang berkhidmat kurang 6 tahun menghasilkan jumlah inovasi yang tertinggi iaitu 7 inovasi.

Jadual 1. Budaya penyelidikan, penulisan dan inovasi di kalangan pensyarah

Tempoh pensyarah berkhidmat di UiTM	Bilangan Pensyarah	Nisbah bilangan pensyarah menjalankan Penyelidikan	Nisbah bilangan pensyarah menjalankan Penulisan Buku	Nisbah bilangan pensyarah menjalankan Penulisan Artikel/ Jurnal	Nisbah bilangan pensyarah menjalankan Inovasi
Kurang 2 tahun	28	28:18 (1 : 0.64)	28:3 (1 : 0.11)	28:15 (1 : 0.54)	28:2 (1 : 0.07)
Kurang 6 tahun	29	29:44 (1 : 1.52)	29:5 (1 : 0.17)	29:57 (1 : 1.97)	29:13 (1 : 0.45)
Kurang 10 tahun	9	9:9 (1 : 1)	9:4 (1 : 0.44)	9:30 (1 : 3.33)	9:6 (1 : 0.67)
Kurang 14 tahun	6	6:14 (1 : 2.33)	6:4 (1 : 0.67)	6:72 (1 : 12)	6:3 (1 : 0.5)
Kurang 18 tahun	0	0:0	0:0	0:0	0:0
Lebih 18 tahun	3	3:14 (1 : 4.67)	3:4 (1 : 1.33)	3:26 (1 : 8.67)	3:1 (1 : 0.33)

Sumber: Soalselidik

Jika dilihat kepada nisbah secara keseluruhan berdasarkan jumlah soal selidik yang dikembalikan, pensyarah yang berkhidmat lebih 18 tahun menghasilkan penyelidikan tertinggi iaitu secara purata 4.67 penyelidikan bagi seorang pensyarah. Seterusnya dikuti 2.33 bagi pensyarah kurang 14 tahun, 1.52 bagi pensyarah berkhidmat kurang 6 tahun dan purata 1.00 dihasilkan oleh pensyarah yang berkhidmat kurang 10 tahun. Purata terendah 0.64 bagi yang berkhidmat kurang 2 tahun.

Seterusnya bagi kategori penulisan buku, pensyarah yang berkhidmat lebih 18 tahun mempunyai purata penghasilan terbanyak iaitu sebanyak 1.33 mewakili setiap orang. Sebanyak nisbah 0.67 dihasilkan oleh pensyarah yang berkhidmat kurang 14 tahun, diikuti 0.44 kurang daripada 10 tahun, 0.17 untuk kategori kurang 6 tahun dan purata terendah dihasilkan oleh pensyarah yang berkhidmat kurang 2 tahun sebanyak 0.11.

Kategori penulisan artikel terbanyak secara purata diwakili oleh pensyarah yang berkhidmat kurang 14 tahun berjumlah 12.00 mewakili seorang pensyarah.. Purata kedua tertinggi berjumlah 8.67 diwakili oleh pensyarah yang berkhidmat lebih 18 tahun, diikuti kurang 10 tahun sebanyak 3.33, kurang 6 tahun sebanyak 1.96. Purata terendah sebanyak 0.54 masih diwakili oleh pensyarah yang berkhidmat kurang 2 tahun.

Bagi kategori inovasi, purata inovasi tertinggi dihasilkan oleh pensyarah yang berkhidmat kurang 10 tahun dengan nilai purata 0.67 untuk kadar seorang pensyarah. Purata kedua tertinggi dimonopoli oleh pensyarah yang berkhidmat kurang 14 tahun dengan kadar nisbah 0.50, diikuti pensyarah yang berkhidmat kurang 6 tahun berjumlah 0.45, lebih 18 tahun sebanyak 0.33. Purata terendah diwakili oleh pensyarah yang berkhidmat kurang 2 tahun berjumlah 0.07.

Daripada keseluruhan budaya yang diamalkan oleh pensyarah UiTM Jengka, dapat dikenalpasti pensyarah yang berkhidmat kurang 2 tahun menghasilkan jumlah penyelidikan, penulisan buku, penulisan artikel dan penghasilan inovasi yang terendah daripada keseluruhan kategori tempoh pensyarah berkhidmat di UiTM. Pensyarah yang berkhidmat lebih daripada 18 tahun menghasilkan purata tertinggi untuk kategori penyelidikan dan penulisan buku. Bagi kategori penulisan artikel, purata tertinggi diwakili oleh pensyarah yang berkhidmat kurang 14 tahun. Walau bagaimanapun jika dilihat kepada jumlah penulisan artikel bagi pensyarah yang berkhidmat kurang 14 tahun, terdapat seorang pensyarah yang menghasilkan 50 penulisan secara individu. Ini menyebabkan purata penulisan terbanyak diwakili oleh kelompok pensyarah berkenaan. Jumlah nisbah yang berbeza bagi setiap kategori berkemungkinan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti tempoh perkhidmatan, dasar pendidikan UiTM, pengalaman, akauntabiliti dan kreativiti bagi setiap pensyarah.

Merujuk kepada Jadual 2 di bawah, peratus tertinggi sebanyak 89.3 % daripada responden memilih profesion pensyarah kerana meminati bidang pengajaran. Peratus kedua tertinggi berjumlah 88 % daripada responden sentiasa berusaha untuk menambah jumlah penyelidikan dan penulisan yang sudah sedia ada. Seterusnya sebanyak 74.6 % pensyarah seronok mencebur kerjaya ini kerana dapat menghasilkan penyelidikan dan penulisan. Sejumlah 70.6 % berpendapat profesion pensyarah dipilih kerana ingin mendapatkan pendapatan yang tetap pada tiap-tiap bulan. Peratus terendah sebanyak 54.6% pensyarah mempunyai persepsi terpaksa melakukan penyelidikan dan penulisan kerana ia merupakan tanggungjawab pensyarah. Ini menunjukkan pensyarah memahami tanggungjawab sebagai pensyarah perlu melaksanakan penyelidikan dan penulisan walaupun minat utama mereka menjadi pensyarah adalah disebabkan meminati bidang pengajaran.

Jadual 3 pula mempamerkan punca penglibatan pensyarah di dalam penyelidikan dan penulisan. Data menunjukkan sebanyak 90.6% punca utama pensyarah terlibat di dalam penyelidikan dan penulisan kerana ingin memberi sumbangan ilmu dan kepakaran. 84% daripada responden berpendapat kesempurnaan pengajaran berpunca daripada penyelidikan dan penulisan. Sejumlah 80% pula bersetuju penyelidikan dan penulisan dapat mempengaruhi kemahiran berfikir pelajar. Peratus terendah sebanyak 62.6% berpendapat penyelidikan dan penulisan turut menyumbang idea untuk melakukan inovasi.

Jadual 2. Persepsi terhadap profesion pensyarah

Perkara	Peratus
Saya meminati profesion pensyarah kerana saya meminati bidang pengajaran	89.3
Saya memilih untuk menjadi pensyarah kerana saya ingin mendapatkan pendapatan yang tetap pada tiap-tiap bulan	70.6
Saya seronok menceburi kerjaya ini kerana saya dapat menghasilkan penyelidikan dan penulisan	74.6
Saya sentiasa berusaha untuk menambah jumlah penyelidikan dan penulisan yang sudah sedia ada	88.0
Saya terpaksa melakukan penyelidikan dan penulisan kerana ia merupakan tanggungjawab pensyarah	54.6

Sumber: Soalselidik

Jadual 3. Punca terlibat dalam penyelidikan dan penulisan

Punca	Peratus (%)
Memperolehi idea melakukan inovasi	62.6
Dapat memberi sumbangan ilmu dan kepakaran	90.6
Dapat menghasilkan kesempurnaan dalam pengajaran	84.0
Dapat mempengaruhi kemahiran berfikir pelajar	80.0

Sumber: Soalselidik

Berdasarkan Jadual 4 di bawah secara keseluruhan (100%) pensyarah bersetuju, inovasi dapat meningkatkan kualiti pemikiran dan keberkesanan pengajaran dalam kelas. 98.6% pensyarah berpandangan inovasi dapat menjana perkembangan minda pelajar dan pensyarah serta membantu negara mencipta harta intelek tersendiri. Sebanyak 97.3%, pensyarah berpendapat penglibatan dalam inovasi dapat meningkatkan kecemerlangan pelajar di dalam pembelajaran. Peratus terendah berjumlah 42.6 % daripada keseluruhan responden menyatakan punca terlibat di dalam inovasi adalah untuk menambah jumlah pendapatan dan kepuasan bekerja.

Jadual 5 di atas menunjukkan 81.3% daripada responden bersetuju, faktor pendorong pensyarah terlibat dalam penyelidikan adalah sokongan yang kuat daripada rakan-rakan sejawat. Peratus kedua tertinggi berjumlah 80% berpandangan faktor pendorong pensyarah terlibat kerana terdapat kemudahan sumber bacaan dan peralatan di kampus. Sebanyak 60% berpandangan, pensyarah terlibat di dalam aktiviti penyelidikan, penulisan dan inovasi kerana bakat yang dimiliki. Faktor terendah sejumlah 42.6% berpendapat pensyarah terlibat dengan tujuan untuk memperolehi bantuan dana yang mencukupi untuk melakukan penyelidikan, penulisan dan inovasi.

Jadual 4. Punca terlibat dalam inovasi

Punca	Peratus (%)
Menghasilkan ciptaan dan penemuan baru untuk dikongsi bersama para akademia dan pensyarah	72.0
Meningkatkan kecemerlangan pelajar di dalam pembelajaran	97.3
Menjana perkembangan minda pelajar dan pensyarah	98.6
Meningkatkan kualiti pemikiran dan keberkesanan pengajaran dalam kelas	100
Membantu negara mencipta harta intelek tersendiri	98.6
Menjamin perkembangan ekonomi	86.6
Menambah jumlah pendapatan dan kepuasan bekerja	42.6

Sumber: Soalselidik

Jadual 5. Faktor pendorong dalam penyelidikan, penulisan dan inovasi

Faktor	Peratus (%)
Mendapat sokongan yang kuat daripada rakan-rakan sejawat	81.3
Bantuan dana yang mencukupi	42.6
Memiliki kemudahan sumber bacaan dan peralatan di kampus	80.0
Bakat yang dimiliki	60.0

Sumber: Soalselidik

Cadangan

Daripada penemuan yang diperolehi menerusi kajiselidik ini menjelaskan kepada kita, pensyarah di UiTM Pahang, Kampus Jengka mempunyai persepsi yang positif terhadap amalan melakukan penyelidikan, penulisan dan inovasi. Walaupun jumlah amanah tanggungjawab akademik yang lebih tinggi berbanding dengan universiti lain, pensyarah di kampus ini tetap melaksanakan tanggungjawab dan peranan sebagai penyelidik, penulis dan pencipta inovasi. Amalan positif yang sedia ada perlu diperteguhkan dengan pelbagai bentuk pengukuhan. Bagi pensyarah baru yang berkhidmat kurang 2 tahun, kelompok pensyarah ini perlu mengasimilasi suasana positif yang sedia ada dan dalam masa yang sama membuat perubahan budaya kerja ke arah yang lebih positif untuk mencapai sasaran universiti di dalam penyelidikan, penulisan dan inovasi. Berdasarkan model Kurt Lewin dalam (Zainal Ariifin, 1998:213), Lewin menyarankan tiga peringkat perubahan iaitu pencairan, pergerakan dan pembekuan. Beliau menyarankan perubahan perlu dilakukan dengan mencair amalan sekarang, bergerak kepada suatu keadaan baru dan membekukan perubahan baru supaya ia menjadi kekal.

Bagi memastikan kejayaan di dalam inovasi, terdapat lima strategi yang perlu dilakukan iaitu penceburan kakitangan dalam kerja penyelidikan, pembabitian pihak luar di dalam pembiayaan penyelidikan, penghasilan produk penyelidikan berpotensi untuk pengkomersialan,

pengkomersialan hasil penyelidikan dan perubahan budaya kerja (akauntabiliti, ketepatan masa, memenuhi skop kerja). Model inovasi melibatkan universiti, industri dan pihak kerajaan melalui lima peringkat iaitu *Knowledge Creation, Knowledge Innovation, Knowledge Dissimilation, Knowledge Use* dan *Evaluation Mechanism*. (Mohd Yusof Kassim dan Ishak Yusof , 2001:1-8).

Dengan amanah tugas akademik yang agak tinggi disertai dengan tugas-tugas tidak rasmi yang perlu dilakukan oleh pensyarah, seorang pensyarah itu perlu memiliki sifat waja diri. Individu yang berpersonaliti waja tidak alah atau telus terhadap sebarang halangan yang merentangi dan tidak pernah menyerah diri kepada kegagalan yang dihadapi. Kekurangan-kekurangan yang dialami telah ditransformasikan menjadi suatu bentuk kekuatan yang akhirnya berkembang dan menjadikan mereka sebagai seorang individu dewasa yang cekap dan berjaya (Shahabuddin Hashim dan Dr. Rohizani Yaakub, 2003:109).

Allah telah berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 286 yang bermaksud:

"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebaikan) yang diusahaannya dan ia mendapat seksa (dan kejahanatan) yang dikerjakannya. Mereka berdoa : Ya Tuhan kami, janganlah engkau hukum kami jika kami lupa atau bersalah. Ya Tuhan kami, janganlah engkau bebankan kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tidak sanggup kami memikulnya. Maaflah kami, ampunkanlah kami dan rahmatilah kami".

Berdasarkan ayat di atas, Allah tidak membebani seseorang dengan pekerjaan yang tidak mampu untuk dilaksanakan. Justeru, tanggungjawab pensyarah yang merangkumi tugas pengajaran, perundingan, penyelidikan, penulisan, penciptaan inovasi dan pelaksanaan khidmat masyarakat adalah relevansi dan berkemampuan untuk dilakukan oleh semua pensyarah. Pensyarah yang perlu berkorban masa, tenaga dan usaha untuk meraih ganjaran duniaawi yang berbentuk upah, sementara menanti ganjaran berbentuk faedah yang tidak dapat dirasai di dunia melainkan dinikmati di akhirat selama-lamanya.

Selain itu, pensyarah perlu mempunyai momentum yang kuat dari dalam dan sentiasa mendapat suntikan positif agar budaya penyelidikan, penulisan dan inovasi bertukar menjadi kebiasaan. Sebagaimana yang disebut oleh (Muhammad Baysar, 1973:237), ada dua faktor penting yang melahirkan adat kebiasaan iaitu adanya kecenderungan hati kepada perbuatan itu dan merasa senang untuk melakukannya atau dalam ertikata lain tertarik dengan sifat perbuatan tersebut. Apabila perbuatan itu diulang sentiasa ia akan menjadi tabiat atau adat kebiasaan. Berdasarkan dua faktor di atas, faktor kedua sangat berpengaruh kerana sekalipun ada kecenderungan hati untuk melakukannya tetapi jika tidak berkesempatan untuk melaksanakannya ia tidak memberi sebarang kesan. Sebaliknya walaupun pada asalnya tidak ada kecenderungan hati untuk melakukannya tetapi apabila berterusan melakukannya kebiasaan itu akan memberi pengaruh kepada hatinya untuk meneruskan tabiat tersebut.

Pensyarah perlu berterusan mananamkan motivasi kendiri intrinsik yang tinggi. Setiap individu tidak dapat lari daripada berhadapan dengan cabaran kerja tetapi pensyarah positif akan menerima cabaran kerja yang diberikan secara positif dan menjadikannya sebagai motivasi untuk mencapai kepuasan kerja. Antara sifat-sifat yang perlu ada untuk pensyarah mencapai motivasi kendiri yang berterusan ialah mempunyai wawasan dan matlamat yang khusus, tidak mudah putus asa, mempunyai disiplin diri, sanggup menanggung risiko dan menerima kegagalan, peka kepada peningkatan kemajuan diri, cepat berusaha untuk membuat strategi baru, bersikap

terbuka, bersedia menerima kritikan dan sedia menerima perubahan (Saedah Siraj *et.al*, 1996:58-59).

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, setiap pensyarah baru perlu melakukan transformasi iaitu kesediaan untuk melakukan perubahan dan anjakan di dalam budaya kerja sehari-hari. Setiap individu perlu mengorak langkah melaksanakan penyelidikan, penulisan dan inovasi supaya minat dapat dipupuk secara perlahan. Gambaran ini dapat dilihat seperti pada kisah seekor kuda dan tuannya. Tuan kuda bersusah payah untuk menarik kuda kesayangan ke tepi sungai untuk menyuruhnya minum tetapi keputusan sama ada untuk minum air sungai tersebut bergantung kepada kuda itu sendiri. Gambaran lain dapat dilihat pada ujian yang dijalankan ke atas seekor tikus dan makanannya. Sekiranya makanan yang diletakkan tidak menepati kehendak tikus maka uji kaji tersebut pasti tidak akan berjaya (Hasnizawati Hashim *et.al* (2008:102).

Oleh yang demikian, pensyarah baru di UiTM perlu bijak menyusun strategi untuk membudayakan aktiviti penyelidikan, penulisan dan inovasi supaya amalan ini diminati dan mendapat sokongan yang padu. Justeru hasrat UiTM ingin menjadi sebuah universiti penyelidikan (RU) dan seterusnya sebagai World Class University (WCU) dapat dicapai sebagaimana yang dirancangkan.

Rujukan

- Abdul Rahman Nawas (*et.al*) (1995). *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Azhar Harun Dan Nawi Abdullah (2004). *Metodologi Penyelidikan Ekonomi Dan Sains Sosial*. Singapore: Thomson Asia Pte.Ltd.
- Halimaton Haji Khalid (Dr.), *et.al* (t.t). *Buku Panduan Nilai dan Etika Pensyarah*, Selangor: Universiti Teknologi Mara.
- Hasnizawati Hashim *et.al* (2008) *Motivasi: Realiti Atau Fantasi Teori*. Prosiding Kolokium,UiTM.
- Mohd Daud Hamzah (1993). *Penerokaan Teori Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Yusof Kassim dan Ishak Yusof (2001). *Governan Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) di Malaysia: Satu Pandangan Awal*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pendidikan dan Pembangunan IPTA, 25-26 Okt di Dewan Tun Dr. Ismail, PWTC, Kuala Lumpur, UKM Selangor.
- Muhammad Baysar (1973). *al-'Aqidah wa al-akhlaq wa atharuha fi hayat al-Fard wa al-Mujtama'*. Birut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Rogers, E.M (1983). *Diffusion & Innovation*, New York: Free Press.

Rohana Yusof (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang: PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.

Saedah Siraj *et.al* (1996). *Motivasi Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Shahabuddin Hashim dan Dr. Rohizani Yaakub (2003). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Sidi Gazalba (Drs.) (1981). *Pembimbing Latihan Ilmiah Dan Tesis*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Sufean Hussin (2002). *Dasar Pendidikan Progresif, Perspektif Makro dan Mikro*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Wan Mohd Nor Wan Daud (1992). *Budaya Ilmu:Konsep, Prasyarat dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Za'faran binti Hassan (1998). *Ciri-ciri Inovator: Satu Kajian Tentang Hubungkaitnya dengan Inovasi Dalam Organisasi*, Tesis UKM, Fakulti Pengurusan Perniagaan.

Zainal Arifin (1998). *Perlakuan Organisasi*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

NORHAPIZAH MOHD BURHAN, CITU, UiTM Pahang. Norhapidzah@pahang.uitm.edu.my

RUZIANA MOHAMED, Fakulti Sains Gunaan, UiTM Pahang. ruziana@pahang.uitm.edu.my